

NO. SOALAN: 118

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 10 JUN 2014

RUJUKAN : 6830

SOALAN:

Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah halangan utama kepada Kementerian dalam memastikan laporan-laporan polis yang dibuat berhubung sesuatu isu tidak diteruskan dengan pendakwaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak polis sentiasa menjalankan siasatan secara telus dan saksama tanpa mengira ideologi politik seseorang atau kedudukan status individu berkenaan. Siasatan akan dijalankan sekiranya terdapat laporan dibuat berdasarkan kepada undang-undang yang sedia ada. Walau bagaimanapun keputusan untuk mendakwa seseorang itu atau sebaliknya adalah budicara Jabatan Peguam Negara.

Terdapat beberapa kategori laporan polis yang diklasifikasikan setelah laporan diterima iaitu:-

- 1. Laporan polis yang diterima jika terdapat kesalahan jenayah dan terdapat peruntukan undang-undang, maka kertas siasatan akan dibuka.**
- 2. Laporan polis yang dirujuk ke Majistret (RKM) iaitu laporan untuk tindakan sivil, yang mana laporan itu atas tuntutan peribadi dan juga laporan berkaitan rasa tidak puas hati antara kedua pihak.**
- 3. Laporan polis yang dirujuk ke lain agensi (RLA) di mana untuk tindakan dan bidang kuasa agensi lain.**

Antara faktor-faktor yang boleh menyebabkan sesuatu kes itu tertangguh atau tidak dapat diselesaikan sehingga ke peringkat pendakwaan adalah disebabkan oleh faktor berikut:-

- i) **Ketiadaan bukti yang boleh membantu siasatan sesuatu kes.**
- ii) **Mangsa tidak dapat mengecam suspek.**
- iii) **Kurang kerjasama daripada mangsa untuk membantu siasatan.**
- iv) **Berlaku pencemaran bahan bukti di tempat kejadian, contohnya seperti gangguan kesan cap jari dalam kes pecah rumah.**
- v) **Berlaku pemusnahan bahan bukti, contohnya seperti dalam kes bunuh dan bakar.**
- vi) **Saksi-saksi yang enggan bekerjasama apabila dikehendaki memberi keterangan.**
- vii) **Laporan kimia dan patologi mengesahkan spesimen ataupun sampel berkeputusan negatif.**

- viii) Keterangan yang tidak mencukupi bagi mendakwa seseorang.
- ix) Terdapat laporan polis yang telah dibuat telah ditarik balik oleh pengadu. Terutamanya kes-kes yang melibatkan rumahtangga dan pergaduhan kecil.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : YB DATUK CHUA TEE YONG
(LABIS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.06.2014

YB Datuk Chua Tee Yong (Labis) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan melalui anjuran program kesedaran GST, adakah rakyat menyokong atau membantah GST, serta sebab-sebab untuk sokongan dan bantahan masing-masing.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Program kesedaran dan latihan GST telah dijalankan sejak tahun 2010 kepada tiga golongan sasar iaitu pengguna, peniaga dan Jabatan Kerajaan. Program penerangan GST kepada pelajar sekolah, IPTA dan IPTS serta penduduk kampung juga turut dilaksanakan. Sehingga 25 Mei 2014, sebanyak 5,177 program telah dijalankan dan dihadiri oleh 306,341 orang. Secara umumnya, mereka yang telah mengikuti program kesedaran menerima baik GST.

Bagi golongan peniaga yang merupakan kumpulan kritikal dalam pelaksanaan GST, Kerajaan telah merangka dan sedang menjalankan program-program taklimat dan latihan melalui tiga kaedah iaitu samada dianjurkan sendiri oleh pihak Kerajaan atau pihak swasta ataupun secara bersama oleh Kerajaan dan pihak swasta.

Bagi aktiviti publisiti, pelbagai saluran media telah dijalankan seperti di akhbar arus perdana, televisyen, radio dan billboard serta melalui media sosial seperti blogspot, laman web, twitter dan facebook.